

6 teras perkasa mutu pendidikan

BH- 5/1/2007

PM lancar pelan induk 2006-2010 16 Januari

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 pada 16 Januari ini yang akan menggariskan secara terperinci perancangan meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Kerangka pendidikan yang akan diumumkan Perdana Menteri itu membabitkan enam tunjang utama yang selari dengan Misi Nasional bagi mencapai gagasan pembangunan modal insan seperti yang digarapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata enam teras itu ialah membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion perguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Katanya, Abdullah juga akan mengumumkan 300 sekolah cemerlang yang akan dikelompokkan sebagai sekolah elit yang diberi kuasa autonomi pentadbiran, penyampaian kurikulum dan pengendalian kegiatan kokurikulum.

Selepas pelancaran, ibu bapa, ahli akademik dan sesiapa saja yang berkepentingan dipelawa memberi maklum balas menerusi media, laman web kementerian itu, e-mel atau telefon.

"Bulan ini, saya akan mengadakan taklimat untuk Pengarah Pelajaran Negeri, Adun, Ahli Parlimen dan pemimpin masyarakat bagi menjelaskan misi kita dan mendapat maklum balas.

"Semua pandangan akan diambil kira kerana pelaksanaan dasar pendidikan perlu dilakukan dengan teliti dan memerlukan penyesuaian dari

semasa ke semasa.

"Semua bahagian atau jabatan di Kementerian Pelajaran juga mesti melaporkan pelaksanaan pelan induk ini dua kali setahun dan akan dihebahkan kepada orang ramai," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementerianya semalam.

Kementerian juga akan mengadakan penerangan setiap bulan mengikut teras utama pelan induk, seperti Februari mengenai program merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar, Mac untuk sekolah berkelompok dan April mengenai pembestarian sekolah menerusi teknologi komunikasi maklumat.

Hishammuddin berkata, kementerian juga bercadang mengkhususkan sebahagian daripada lapan institut pendidikan guru (IPG) di Sabah dan Sarawak untuk pelatih yang berasal dari kedua-dua wilayah itu saja sebagai penyelesaian jangka panjang mengatasi masalah penempatan guru dan opsyen mata pelajaran yang menepati keperluan sekolah.

Katanya, ketika ini hanya guru yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang benar-benar komited bertugas dalam tempoh lama di kawasan luar bandar kedua-dua wilayah berkenaan.

“Semua bahagian atau jabatan di Kementerian Pelajaran juga mesti melaporkan pelaksanaan pelan induk ini dua kali setahun”

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran